

[HADITH PALSU] HADITH YANG MENGANDUNGI UNSUR “TAKRIF MAKNAWI” (PENYELEWENGAN MAKNA) AL-QURAN MESTILAH DIKETEPIKAN. CONTOHNYA, “HADIS KISA’ ” YANG DIREKA SYIAH UNTUK MENIPU UMAT ISLAM TENTANG SIAPAKAH “AHLI BAIT”



<https://youtu.be/KDcc2mITeeY>

VIDEO – [Durasi – 13m 40s] – [HADIS PALSU] Syiah Reka “Hadis Kisa’ ” Untuk Tipu Umat Islam Tentang Siapakah “Ahlul Bait”

[HADITH PALSU] – HADITH YANG MENGANDUNGI UNSUR “TAKRIF MAKNAWI” (PENYELEWENGAN MAKNA) AL-QURAN MESTILAH DIKETEPIKAN

HADITH KISA’

[00:01:20] – “Hadith Kisa’ ” ialah hadith yang menceritakan tentang Rasulullah s.a.w menyelimuti anaknya Fatimah r.ha,, menantunya Ali dan dua cucunya Hassan dan Husain dengan selimut atau kisa’. Golongan Syiah yang mereka hadith ini mengatakan hadith ini adalah sebab turunnya ayat al-Quran – Surah Al-Ahzab (ayat 33) yang mafhumnya, “Sesungguhnya Allah bermaksud untuk menghilangkan dosa dari diri kamu wahai Ahlul Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya”. Dengan mengatakan hadith Kisa’ sebagai sebab turunnya ayat tersebut, golongan Syiah telah memalingkan makna ayat al-Quran (takrif makna) kerana yang dimaksudkan ungkapan “Ahlul bait” dalam ayat tersebut sebenarnya ialah isteri-isteri Rasulullah dan bukannya Fatimah r.ha, Ali, Hassan dan Husain r.hum.

[00:01:40] – Hadith Kisa’ Yang Terdapat Dalam Sahih Muslim Berbunyi: ...Pada Suatu Pagi Nabi Keluar Berselimutkan Sehelai Selimut Daripada Bulu Hitam Yang Bercorak Sekedup. Tiba-Tiba Datang Hassan, Nabi s.a.w. Memasukkannya Ke Dalam Selimut Tersebut. Kemudian Datang Pula Hussain, Dia Juga Masuk Ke Dalamnya. Kemudian Datang Fatimah. Baginda Memasukkannya Juga. Kemudian Datang Pula Ali. Beliau Juga Dimasukkan Ke Dalam Selimut Yang Sama. Kemudian Nabi s.a.w. Membaca Firman Allah [Ayat 33 Surah al-Ahzab] Yang Mafhumnya. “Sesungguhnya Allah Bermaksud Untuk Menghilangkan Dosa Dari Diri Kamu Wahai Ahlul Bait Dan Membersihkan Kamu Sebersih-Bersihnya”.

[00:02:47] – KOMENTAR

1. Hadith Kisa’ Ini Amat Penting Bagi Golongan Syiah Kerana Jika Diterima Sebagai Sahih Ianya Membuktikan Kebenaran Pihak Syiah Yang Mendakwa Ahli Bait Hanya Saidina Ali, Fatimah, Hassan Dan Hussain r.hum. Dan Tidak Termasuk Isteri-Isteri Nabi.
2. Hadith Ini Sebenarnya Palsu Kerana Perkara Tidak Masuk Akal Seperti Saidina Hassan Yang Dikatakan Masuk Ke Dalam Selimut Sebenarnya Belum Lahir Pada Masa Peristiwa Itu Berlaku.
3. Hadith Ini Berlaku Paling Lewat Pada Tahun Keenam Hijrah, Kerana Surah al-Ahzab Habis Diturunkan Paling Lewat Pada Tahun Keenam (Nota: Hadith Ini Dikatakan Sebab Turunnya Ayat 33 Surah al-Ahzab).

4. Syiah Mengatakan Hassan Lahir Pada Tahun Ketiga, Tetapi Ini Tidak Benar Kerana Ibu DanBapanya (Saidina Ali Dan Fatimah) Berkahwin Hanya Pada Tahun Keempat.

5. Syiah Mengatakan Hassan Adalah Anak Sulung, Tetapi Yang Sebenarnya Ummu Khulthum Adalah Anak Sulung.

6. Saidina Hassan Sebenarnya Lahir Pada Tahun Ketujuh Hijrah, Setahun Selepas Keseluruhan Surah al-Ahzab Diturunkan Dan Setahun Selepas Hadith Ini Dikatakan Berlaku.

7. Malangnya Ramai Juga Ulama' Ahli Sunnah Wal Jamaah Yang Termakan Racun Syiah Ini.

[00:11:52] – Sebenarnya Saidina Hassan Dilahirkan Pada Tahun Ketujuh Hijrah. Orang Yang Menyambut Kelahiran Hassan Ialah Asma' Binti Umais Isteri Kepada Jaafar Bin Abi Talib. Beliau Berhijrah Ke Madinah Hanya Pada Tahun Ketujuh Kerana Sebelum Itu Berada Di Habshah.

VIDEO PENUH ASAL – <https://youtu.be/q6J7ab12JCQ>